



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**PROGRAM : MAJLIS PENUTUP KEMBARA PENGGUNA
DAN PENIAGA KPDNHEP SELANGOR
TAHUN 2020 BERSEMPENA KBBM DAN
PJM**

TARIKH : 16 SEPTEMBER 2020 (RABU)

**TEMPAT : KHIND MISTRAL INDUSTRIES SDN. BHD.
SEKINCHAN, SELANGOR**

SALUTASI

Assalamualaikum, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia saudara pengacara majlis

Yang Berhormat Tuan Muslimin bin Yahaya

Timbalan Menteri Pendidikan (1)

Merangkap Ahli Parlimen Sungai Besar

Yang Berusaha Dr. Alauddin Bin Sidal

Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri)

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

Dan Hal Ehwal Pengguna

Yang Berusaha Tuan Mohamed Zahari Bin Razali

Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna)

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

Dan Hal Ehwal Pengguna

Yang Berusaha Tuan Muhamad Zikril Azan Bin Abdullah

Pengarah

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor

Yang Berusaha Encik Cheng Ping Keat

Ketua Pegawai Eksekutif

Kumpulan Khind Mistral Industries Sendirian Berhad

Yang Berusaha Encik Shahariman Bin Rahman

Pengetua Maktab Rendah Sains Mara Sungai Besar

Yang Berusaha Puan Musleha Binti Zainuddin

Pengurus MHP Enterprise

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian

Pegawai-Pegawai Khind Mistral Industries Sendirian Berhad

Para peserta Kembara Pengguna dan Peniaga KPDNHEP
Selangor Tahun 2020

Barisan urusetia

Rakan-Rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian

Pendahuluan

1. Pertama sekali saya mengucapkan syukur kerana dapat kita berkumpul bersama-sama untuk menghadiri Majlis Penutup Kembara Pengguna dan Peniaga KPDNHEP Selangor Tahun 2020 Bersempena dengan Kempen Beli Barangan Malaysia

(KBBM) dan Program Jualan Malaysia (PJM) bertempat di Khind Mistral Industries, Sekinchan pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Khind-Mistral Industries Sdn Bhd dan KPDNHEP Negeri Selangor yang telah memberikan sepenuh komitmen bagi memastikan majlis pada hari ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Kempen Beli Barangan Malaysia atau nama singkatannya KBBM ini diwujudkan dengan tujuan untuk memperkukuh perbelanjaan domestik dengan menggalakkan pengguna di Malaysia untuk membeli barangan tempatan. Di samping itu juga, ianya dapat memupuk semangat patriotisme rakyat Malaysia bagi mengutamakan barangan keluaran tempatan.

4. Langkah kerajaan bagi memperkasakan KBBM tahun ini merupakan langkah yang sangat tepat untuk mengimbangi cabaran ekonomi semasa yang terjejas ketika pelaksanaan PKP. Langkah ini perlu bagi merangsang dan merancakkan

pertumbuhan ekonomi domestik sekali gus meningkatkan kesedaran para pengguna tentang kewujudan produk tempatan serta menggalakkan pembeliannya.

5. Pelbagai strategi telah diperkenalkan dalam usaha untuk membawa produk-produk PKS tempatan ke dalam sektor peruncitan. Tidak hanya berkolaborasi dengan syarikat-syarikat peruncitan utama negara malah Kementerian juga turut menerima kerjasama yang sangat erat daripada pasar raya, kedai serbaneka dan rangkaian kedai syarikat minyak di seluruh negara. Kementerian mengambil pendekatan polisi buka pintu bagi menambah baik KBBM untuk memastikan kempen ini terus memberi manfaat khususnya kepada pengusaha PKS tempatan memperluaskan pasaran bagi produk keluaran mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Pejabat KPDNHEP Selangor telah mengambil inisiatif untuk mempromosikan KBBM dan PJM dengan menganjurkan Program Kembara Pengguna dan Peniaga KPDNHEP Selangor Tahun 2020 yang telah bermula pada 13 September 2020 yang lalu. Pada masa yang sama, program ini turut dirangka sebagai satu platform untuk mendapatkan maklumat asas tentang kesedaran

kepenggunaan bagi pengguna dan peniaga terpilih yang berada di kawasan luar Bandar.

7. Saya difahamkan kembara ini telah dilaksanakan dalam bentuk jelajah secara berkumpulan (konvoi) dengan penglibatan 12 buah kenderaan yang diletakkan **pelekat khas** bagi mempromosikan KBBM dan PJM ini ke seluruh daerah dalam Negeri Selangor. Pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) turut terlibat mendokumentarikan program ini secara khusus sepanjang **4 hari** tempoh kembara iaitu pada **13 hingga 16 September 2020** yang melibatkan kesedaran pengguna dan peniaga di seluruh daerah di Negeri Selangor, sebanyak **20 tempat kajian (checkpoints)** telah ditetapkan dengan jumlah jarak **591 kilometer** secara keseluruhan serta telah melibatkan 3661 ribu responden. Tambah istimewa berkenaan kembara ini adalah ianya berakhir pada hari ini iaitu 16 September bersempena dengan sambutan Hari Malaysia. Ini bertepatan dengan objektif KBBM kita iaitu memupuk semangat patriotik dengan mengutamakan barangan tempatan. (hashtag BARANG BAIK BARANG KITA)

8. Kembara ini telah mendapat sokongan dan kerjasama yang amat baik dari pihak pengguna, sekolah dan industri. Antara pihak yang terlibat untuk program ini ialah **MRSM Sungai Besar, Petronas, MHP Enterprise dan Khind-Mistral Industries Sdn Bhd**. Di antara pengisian program ialah kajian pengguna dan peniaga, CSR oleh pihak Khind-Mistral dan MHP Enterprise kepada pihak MRSM Sungai Besar dan promosi KBBM dan **PJM**. Sesungguhnya, saya menyambut baik segala langkah dan inisiatif yang telah dilakukan bagi membantu perkembangan pengusaha-pengusaha PKS tempatan dan saya berharap agar ianya akan dapat diikuti oleh pemain-pemain industri di Malaysia yang lainnya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Selaras dengan promosi KBBM dan PJM, pihak tuan rumah iaitu Khind-Mistral Industries Sdn Bhd telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Program Jualan Malaysia pada hari ini. Untuk makluman semua, tuan rumah iaitu Khind-Mistral Industries yang membawa jenama KHIND adalah merupakan **pengeluar produk tempatan**. Saya dimaklumkan produk KHIND telah dieksport ke luar negara antaranya Asia Tenggara, Asia Timur, negara-negara Afrika, India, Maldives, USA, England dan banyak

lagi negara lain. Produk tempatan berada di luar negara, satu perkara yang sangat-sangat kita banggakan. Selain itu, pihak Khind juga aktif dalam menjalankan aktiviti sukarela melalui Khind Starfish Foundation Partners. Antara program yang telah dilaksanakan ialah Bald and Beautiful dan Fundraising Event. **Terkini, pihak Khind telah bekerjasama dengan MHP Enterprise telah membuat CSR di MRSM Sungai Besar.** Bagi pihak kerajaan, aktiviti-aktiviti seperti ini amat digalakkan dan membanggakan. Khind bukan sahaja merancakkan ekonomi dan pasaran Malaysia, malah turut menyumbang kepada kebajikan dan membantu golongan yang kurang bernasib baik.

10. Akhir kata, saya berharap agar semua pihak yang terlibat termasuk agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, rakan-rakan strategik dan pihak industri yang terlibat dalam menjayakan KBBM/PJM ini akan terus bersama-sama menyokong kempen ini untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Untuk pengguna, berbelanja untuk Malaysia kerana sesungguhnya barang baik itu adalah barang kita.

11. Dengan ini, saya dengan lafaz ‘Bismillahi Rahman Ar-Rahim’ **merasmikan Penutup** program Kembara Pengguna dan Peniaga KPDNHEP Selangor Tahun 2020 Bersempena Kempen Beli Barangan Malaysia dan Program Jualan Malaysia. **(hashtag BARANG BAIK BARANG KITA)**

Sekian dahulu dari saya.

Assalamualaikum, salam hormat dan terima kasih.